

'Sistem sekolah tak kecewakan sesiapa'

B.M. 14 SEP 1975

SISTEM sekolah tidak akan mengecewakan sesiapa pun jika masyarakat dapat memberi nilai yang wajar kepada persekolahan formal, demikian kata Menteri Pelajaran, **Dr. Mahathir Mohamad**, malam ini.

"Begitu juga dengan pelajaran melalui pengalaman yang tidak tersusun atau teratur," kata beliau dalam ceramah mengenai "Pelajaran dan kita" di TV Malaysia.

Dalam ceramah tersebut beliau telah menerangkan secara meluas mengenai tujuan pelajaran serta sekatan dalam sistem persekolahan.

Beliau tidak menafikan bahawa ujian yang diadakan di sekolah-sekolah akan menyekat peluang murid - murid meneruskan pelajaran dan mendapat peluang merebut sijil-sijil dan ijazah.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, ujian-ujian itu diadakan bagi menapis murid-murid tersebut mengikut kepayaan mereka melanjutkan persekolahan formal.

Penghargaan

Dr. Mahathir berkata, penghargaan terhadap sijil dan ijazah patut diadakan. Bagaimanapun ia tidak boleh diberi nilai yang mukthamad.

Ini, tegas beliau, kerana pemegang ijazah

K. LUMPUR, Sabtu

bukan tentu dapat menjalankan tugas mereka dengan berjaya "walaupun kemungkinan mereka berjaya lebih daripada yang tidak berijazah."

"Tetapi kemungkinan mereka akan menjadi lebih mundur daripada yang tidak berijazah masih ada," tambah beliau.

Beliau juga berkata, bahawa penamatan persekolahan bagi seseorang murid itu bukan berarti mereka gagal, tetapi sebenarnya menjadi cabaran.

Ini kerana dengan tekun dan usaha mereka boleh mencapai sebarang kejayaan, kata beliau.

Menteri Pelajaran berkata, tujuan pelajaran di sekolah bukan semata-mata mengembang pengetahuan tetapi melatih dan mengujudkan kecekapan yang berguna dan mustahak kepada kehidupan seseorang.

Dalam pada itu, ia juga untuk membentuk sikap dan peribadi dan menguji kebolehan untuk menentukan kelakuan.

Usaha

Untuk tujuan inilah, tambah beliau, masyarakat membentuk sistem persekolahan yang berperingkat - peringkat, yang dinamakan pelajaran formal.

Beliau tidak setuju sistem sekolah dijadikan sebagai tempat untuk mengurangkan tang-

gungjawab keluarga terhadap pemeliharaan anak.

Sistem ini, kata beliau, terkeluar dari tujuan asal persekolahan, sungguhpun di waktu berada di sekolah anak di pelihara oleh sekolah.

Ini, tambah beliau, tidak dapat dielakkan, kerana selagi murid-murid itu boleh menerima pelajaran, pemeliharaan ini berlaku bersama-sama.

Bagaimanapun, jelas beliau, pemeliharaan yang tidak sengaja ini tidak boleh diteruskan apabila murid tidak lagi menerima pelajaran.